

Proses baik pulih ambil masa 6 bulan

Kuala Lumpur: Proses baik pulih tanah jerlus di Jalan Masjid India yang menyebabkan seorang wanita warga India, Vijaya Lakshmi terjatuh dijangkan mengambil masa antara tiga hingga ke enam bulan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, beliau menasihati orang ramai supaya mengikut arahan di tapak dan

memberi kerjasama kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Jangan melintasi kawasan kawalan dan kawasan pembaikan untuk keselamatan semua,” katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilaporkan akan mengadakan perbincangan dengan pihak DBKL berkaitan butiran terperinci

inci membabitkan kawasan tanah jerlus di Jalan Masjid India di sini.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisyoner Sulizme Affendy Sulaiman dilaporkan berkata, perbincangan itu dilakukan semalam bagi DBKL memberikan butiran lanjut berkaitan kawasan yang terbbait kerja pembaikan.

Kelmarin, media melaporkan operasi mencari

dan menyelamatkan Lakshmi, 48, yang terjatuh dalam kejadian tanah jerlus itu pada 23 Ogos lalu dihentikan atas faktor keselamatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, tindakan selanjutnya di lokasi kejadian tanah jerlus di Masjid India akan diteruskan dengan proses pemuliharaan (*search and recovery*).